

Jabatan Pendaftar
Registry

Rujukan Kami (*Our Ref.*) : UMP.02.01/10.12/2/1 (09)

16 Jun 2015

Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Y.H. Dato' / Y. Bhg. Datin / Prof. / Prof Madya / Dr. / Tuan / Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2015 : PELAKSANAAN
WAKTU BEKERJA BERSEMPENA BULAN RAMADHAN 1436 HIJRAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 3 Tahun 2015 mengenai Pelaksanaan Waktu Bekerja Bersempena Bulan Ramadhan 1436 Hijrah untuk makluman dan tindakan tuan / puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)
Penolong Pendaftar Kanan (Perkhidmatan & Saraan)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p.: Pendaftar

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

MIM/SBI/ARS

D:Pekeliling/SuratPekeliling/SuratEdaran_PPUMP3/2015





PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2015

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA BERSEMPENA BULAN RAMADHAN 1436 HIJRAH

Adalah dimaklumkan bahawa umat Islam di Malaysia dijangka akan menyambut bulan Ramadhan 1436 Hijrah mulai pada 18 Jun 2015 bersamaan hari Khamis ini. Sehubungan itu, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju agar waktu bekerja yang sedang berkuatkuasa ketika ini **dipinda sesuai dengan pemakaiannya dan tertakluk hanya sepanjang bulan Ramadhan 1436 Hijrah sahaja iaitu mulai 18 Jun 2015 (1 Ramadhan 1436 Hijrah) sehingga 16 Julai 2015 (29 Ramadhan 1436 Hijrah).**

2. Bagi staf yang memilih waktu bekerja **Waktu Peringkat 1 (WP1)**, waktu bekerja **sepanjang bulan Ramadhan 1436 Hijrah** adalah seperti berikut:

Hari	Masa Bekerja	Tempoh	Tempoh Waktu Bekerja Sehari
Isnin hingga Khamis	7:30 pagi hingga 1:30 petang	6 jam	8 jam (tidak termasuk waktu rehat)
	1:30 petang hingga 2:00 petang (Rehat)	30 minit	
	2:00 petang hingga 4:00 petang	2 jam	
Jumaat	7:30 pagi hingga 12:30 t/hari	5 jam	6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat)
	12:30 t/hari hingga 2:30 petang (Rehat)	2 jam	
	2:30 petang hingga 4:00 petang	1 jam 30 minit	

3. Manakala staf yang memilih Waktu Bekerja Biasa / **Waktu Peringkat 2 (WP2)** pula waktu bekerja **sepanjang bulan Ramadhan 1436 Hijrah** adalah seperti berikut:

Hari	Masa Bekerja	Tempoh	Tempoh Waktu Bekerja Sehari
Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 1:30 petang	5 jam 30 minit	8 jam (tidak termasuk waktu rehat)
	1:30 petang hingga 2:00 petang (Rehat)	30 minit	
	2:00 petang hingga 4:30 petang	2 jam 30 minit	
Jumaat	8:00 pagi hingga 12:30 t/hari	4 jam 30 minit	6 jam 30 minit (tidak termasuk waktu rehat)
	12:30 t/hari hingga 2:30 petang (Rehat)	2 jam	
	2:30 petang hingga 4:30 petang	2 jam	

4. Walau bagaimana pun, bagi waktu bekerja **Waktu Peringkat 3 (WP3)**, Pihak Pengurusan Universiti telah menetapkan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan 1436 Hijrah adalah mengikut **Waktu Bekerja Biasa / Waktu Peringkat 2 (WP2)** sebagaimana di para 3.

5. Pihak Pengurusan Universiti mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa dan semoga kemudahan yang diberikan akan dimanfaatkan sepanjang Ramadhan ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ SAFIE)

Timbalan Pendaftar Kanan

(Menjalankan tugas Pendaftar)

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 16 Jun 2015

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan